

Syor RON95 naik satu sen setiap minggu tak bebaskan pengguna

Kuala Lumpur: Cadangan supaya harga RON95 diapung dan dinaikkan secara berperingkat sebaik Program Subsidi Petrol (PSP) dilaksanakan bermula Januari ini, boleh memberi ruang kepada pengguna merancang perbelanjaan petrol dengan lebih berhemat.

Langkah berkenaan juga akan menyaksikan subsidi minyak yang ditanggung kerajaan selama ini berkurangan secara beransur-ansur; sekali gus menjadikan subsidi bahan api itu lebih bersasar kepada golongan yang memerlukan sahaja, bukan lagi diberikan kepada semua golongan di negara ini.

Pengurus Pembangunan Perniagaan Putra Business School (PBS), Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff bersetuju dengan langkah kerajaan tidak mengapungkan harga RON95 secara serta-merta bermula Januari ini.


"Menaikkan harga secara berperingkat tidak akan membebaskan pengguna yang dapat merancang perbelanjaan petrol dengan lebih berhemat lagi," katanya kepada *BH*, semalam.

Ketua Pakar Ekonomi Bank Islam Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid pula melihat terdapat dua kesan sultan pelaksanaan langkah itu.

Kesan pertama, katanya, ialah subsidi minyak akan beransur-ansur berkurangan dan akan menjadikannya lebih bersasar; sekali gus menepati tujuan kerajaan bagi memberi subsidi kepada mereka yang layak saja.

"Kesan kedua pula memperlihatkan harga barang akan beransur-ansur naik berikutan kos pengangkutan yang meningkat. Mungkin akan ada juga kegiatan mengambil untung berlebihan, yang mana peniaga akan menggunakan alasan harga minyak naik sebagai sebab untuk menaikkan harga barangan.

"Justeru, kerajaan disaran memantau aktiviti perniagaan di setiap rantaian supaya paras harga umum sentiasa terkawal dan tiada unsur negatif," katanya.

 **Menaikkan harga
secara
berperingkat tidak
bebaskan pengguna
yang dapat merancang
perbelanjaan petrol
dengan lebih berhemat.**

Ahmed Razman Abdul Latiff,
Pengurus Pembangunan
Perniagaan Putra Business School